

Ads by Google
[Send feedback](#) [Why this ad?](#)



PENGUNA

HASIL Sedia Berbincang bagi Mengelakkan Cukai Tertunggak

Oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri • 12 Oktober 2022, 11:25

A⁺ A⁻ A⁰

Untuk mendapatkan maklumat terkini, ikuti kami melalui [Telegram](#) [Langgan Sekarang](#)

Cukai Pendapatan Instrumen Kelangsungan Negara

Begitu pantas masa berlalu. Kini kita sudah pun masuk ke suku yang ke-4 tahun 2022. Tanpa disedari, sudah hampir tiga tahun seluruh dunia termasuklah negara kita berperang dengan virus COVID-19 yang menyaksikan kecelaruan dalam sistem sosio-ekonomi. Namun kini, Malaysia kembali bangkit menjana semula kemakmuran negara setelah turut terkesan dengan serangan COVID-19. Rakyat Malaysia juga pada masa ini rancang mengatur kembali kedudukan kewangan masing-masing setelah beberapa pakej rangsangan ekonomi yang diberikan oleh pihak kerajaan seperti moratorium dan pengeluaran khas dana dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berakhir.



Di sebalik mengatur kedudukan kewangan tersebut, mungkin ada di antara kita yang terlupa serta mengabaikan tanggungjawab membayar cukai yang sepatutnya dilaksanakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASIL). Perlu diakui hakikatnya bahawa dalam Pembentangan Bajet 2022 kerajaan juga telah memperuntukkan sejumlah RM8.2 bilion untuk manfaat 9.6 juta orang di bawah Bantuan Keluarga Malaysia (BKM). Amaun bayaran tunai BKM ini termasuk dalam pelbagai pakej subsidi Kerajaan yang berjumlah RM77.3 bilion bagi tahun 2022 sekali gus direkodkan sebagai peruntukan subsidi yang terbesar dalam sejarah negara.

Begitu juga dengan bermacam-macam lagi inisiatif yang dilancarkan oleh kerajaan bagi memacu pertumbuhan ekonomi negara seperti Inisiatif Jamin Kerja Keluarga Malaysia dan Inisiatif Semarak Niaga Keluarga Malaysia yang diyakini mampu memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat untuk kelangsungan hidup dalam era pasca pandemik COVID-19. Segala peruntukan ini bukan diperolehi dengan mudah umpama yang bulat datang bergolek dan yang pipih datang melayang, sebaliknya sebahagiannya adalah dari hasil kutipan cukai negara. Hal ini bermakna hasil cukai negara terbukti mempunyai peranan yang amat penting untuk memastikan segala bantuan dapat disalurkan dengan kadar segera kepada segenap lapisan masyarakat yang terjejas demi kesejahteraan mereka.

Gagal Lapor/Bayar Cukai Faktor Tunggakan Cukai Meningkat

Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) jelas memperuntukkan kewajipan pembayar cukai yang terdiri daripada individu, syarikat dan juga mana-mana pertubuhan untuk mengemukakan Borang Nyata Cukai kepada HASIL pada setiap tahun. Kegagalan pembayar cukai mematuhi peruntukan ACP 1967 ini boleh menyebabkan penalti dikenakan yang turut bermaksud amaun cukai yang kena dibayar kepada Kerajaan menjadi lebih tinggi kerana adanya penalti. Sudah tentu kita sebagai pembayar cukai yang berhemah tidak mahu membayar cukai lebih dari sepatutnya yang dikenakan bukan?



Isu tunggakan cukai pula wujud apabila kita gagal membayar kepada HASIL amaun cukai yang dikenakan terhadap kita dalam tempoh yang sepatutnya. Seperti yang ditetapkan oleh undang-undang, bagi individu yang tidak mempunyai punca pendapatan perniagaan atau yang makan gaji sahaja, mereka perlu melunaskan cukai tahunan mereka selewat-lewatnya pada 30 April setiap tahun. Manakala bagi individu yang berniaga, mereka dikehendaki menjelaskan semua amaun cukai tahunan mereka selewat-lewatnya pada 30 Jun setiap tahun. Sementara itu, bagi syarikat, mereka wajib membayar semua amaun cukai mereka dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas tarikh tutup tempoh perakaunan syarikat.

Sekiranya pembayar cukai mengabaikan bayaran cukai ini, maka mereka berkemungkinan akan berhadapan dengan tindakan-tindakan selanjutnya oleh HASIL bagi tujuan pemungutan. Berdasarkan Rangka Kerja Pungutan Cukai 2021 yang dikemaskini pada 3 Februari 2021, HASIL menyatakan bahawa pembayar cukai boleh dikenakan tindakan-tindakan seperti berikut sekiranya mereka mempunyai isu tunggakan cukai yang menjadi hutang kepada kerajaan sekiranya tidak diselesaikan:

1. Arahan Potongan Gaji (CP3B)
2. Sekatan perjalanan ke luar negara
3. Kaveat hartanah
4. Pelantikan ejen
5. Tindakan pemungutan kepada pengarah syarikat
6. Tindakan mahkamah atau guaman sivil

Sehingga 31 Julai 2022 sahaja seramai 186,346 individu termasuk pengarah syarikat dengan jumlah amaun tunggakan cukai berjumlah RM 12.9 billion telah dikenakan tindakan sekatan perjalanan berikutan kegagalan mereka menjelaskan tunggakan cukai kepada kerajaan. Melihat kepada jumlah tunggakan cukai ini jika ia tidak ditangani sebaik-baiknya oleh HASIL secara tidak langsung ia akan menjejaskan kutipan cukai langsung negara dan berkemungkinan merencatkan program-program pembangunan yang telah direncanakan oleh kerajaan pada masa hadapan. Oleh yang demikian tindakan penguatkuasaan yang telah dilaksanakan oleh HASIL kepada golongan-golongan ini merupakan sebagai salah sebuah bentuk keadilan kepada pembayar cukai yang patuh kepada undang-undang percukaian demi kesejahteraan serta kemakmuran Keluarga Malaysia seluruhnya.



HASIL Rakan Perunding Percukaian Anda

Bak kata pepatah "di mana ada kemahuan, di situ ada jalan" yakni setiap masalah yang timbul pasti ada jalan penyelesaiannya, apa yang penting adalah cara kita menghadapi masalah tersebut dan menanganinya dengan rational. Tegasnya, jangan sesekali lari dari masalah kerana ia pasti akan terus menghantu hidup kita. Pepatah ini juga terpakai bagi pembayar cukai yang mempunyai isu tunggakan cukai kepada negara. HASIL merupakan sebuah agensi pentadbir cukai langsung negara yang sentiasa terbuka untuk mengadakan perbincangan serta rundingan sekiranya pembayar cukai mempunyai masalah bagi menyelesaikan tunggakan cukai mereka. Peruntukan undang-undang juga memberi ruang kepada pembayar cukai untuk membayar cukai atau baki cukai secara ansuran. Sekiranya cukai kena dibayar layak dikenakan kenaikan cukai di bawah seksyen 103 ACP, ansuran yang dibenarkan adalah termasuk kenaikan cukai tersebut.

Antara bukti HASIL amat prihatin kepada situasi pembayar cukai yang mengalami masalah kewangan adalah menerusi Kenyataan Media HASIL bertarikh 3 Jun 2021, apabila HASIL telah menawarkan kelonggaran pembayaran cukai dan penalti khusus untuk pembayar cukai yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Kelonggaran itu bertujuan untuk meringankan beban pembayar cukai dalam menyelesaikan cukai tertunggak dan penalti cukai mereka. Ini selari dengan objektif utama piagam HASIL iaitu "Memberikan Perkhidmatan Terbaik Kepada Pelanggan" selain memaparkan peranan HASIL sebenarnya adalah sebagai pemudah cara pematuhan atau *facilitator of compliance* yang memudahkan urusan percukaian rakyat Malaysia.

Bagi pembayar cukai yang ingin memohon bayaran tunggakan cukai atau baki cukai secara ansuran mereka terlebih dahulu perlu mendapat kelulusan daripada HASIL. Bayaran ansuran cukai yang dimaksudkan ini bukanlah bermaksud pembayar cukai sewenang-wenangnya membuat bayaran sedikit demi sedikit berdasarkan kemahuan sendiri, namun kelulusan bayaran ansuran ini perlu memenuhi beberapa syarat yang dipersetujui. Tidak semua kes tunggakan cukai mempunyai merit kes yang sama, justeru permohonan bayaran ansuran ini mempunyai layanan yang berbeza bergantung kepada kemampuan serta kedudukan kewangan pembayar cukai.

Pembayar cukai boleh membuat permohonan ansuran ini secara terus dengan Cawangan HASIL yang mengendalikannya fail cukai mereka. Dokumen-dokumen seperti penyata aliran tunai bulanan, penyata bank beberapa bulan terkini, senarai komitmen bulanan dan bilangan ansuran yang ingin dicadangkan merupakan antara dokumen yang diperlukan oleh pihak HASIL dalam memproses permohonan bayaran ansuran pembayar cukai.

Selain itu, rayuan terhadap kenaikan cukai juga boleh dibuat namun rayuan tersebut haruslah mempunyai asas yang munasabah bagi pihak HASIL membuat keputusan yang terbaik bagi kedua-dua pihak. HASIL sememangnya mengalu-alukan sebarang rundingan daripada pihak pembayar cukai demi memudahkan pematuhan serta pembayaran cukai kepada kerajaan. HASIL sebenarnya amat menghargai para pembayar cukai yang mempunyai masalah untuk duduk bersama-sama berbincang bagi mencari jalan penyelesaian yang terbaik daripada sikap mengabaikan serta melarikan diri dari melaksanakan tanggungjawab membayar cukai.

Kesimpulan

Tunggakan cukai merupakan isu yang seringkali membelenggu pembayar cukai sekiranya mereka culas serta mengabaikan tanggungjawab mereka kepada kerajaan. Sikap bertanggung serta tidak ambil peduli oleh sesetengah pembayar cukai akan mengakibatkan mereka berhadapan dengan tindakan susulan pemungutan oleh HASIL. Bagi mengurangkan kes tunggakan cukai ini, pembayar cukai disarankan untuk berhubung dengan HASIL bagi mendapatkan khidmat perundingan percukaian secara percuma di samping HASIL juga terbuka dalam setiap apa jua rundingan cukai demi kepentingan kedua-dua pihak. Jadilah seorang pembayar cukai yang patuh yang menyumbang kepada pendapatan negara kerana setiap sen cukai yang disumbangkan adalah bertujuan bagi membantu pihak kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan serta kebajikan agar rakyat dapat merasa nikmat kesejahteraan serta kemakmuran hidup di Malaysia. Terima kasih pembayar cukai! **WIRAJA NEGARA!**

Artikel ini ialah © 2022 Hakcipta Terpeliharha JendelaDBP. Sebarang salinan tanpa kebenaran akan dikenakan tindakan undang-undang.

Buletin JendelaDBP
 Inginkan berita dan artikel utama setiap hari terus ke e-mel anda?
 [Langgan](#)

Kongsi [WhatsApp](#) [Facebook](#) [Twitter](#) [LinkedIn](#) [Print](#)

Yang Berkaitan

<p>PENGUNA</p> <p>Bersara dengan Tenang 22 September 2022, 12:36</p>	<p>PENGUNA</p> <p>Paratha Bukan Roti Canal Semata-mata! 18 Mei 2022, 11:23</p>	<p>PENGUNA</p> <p>Bintang Kesihatan Pek Makanan 24 Februari 2022, 11:18</p>
<p>PENGUNA</p> <p>Laporan Kredit Pemijam Menerusi eCCRIS Secara Percuma 24 Februari 2022, 10:41</p>	<p>PENGUNA</p> <p>Cukup-cukuplah Menyisihkan Barangn Malaysia 26 Oktober 2021, 10:47</p>	<p>PENGUNA</p> <p>Berubah Mengikut Dunia Semasa 27 Mei 2021, 12:10</p>